



MD Yusof membersihkan halaman rumahnya yang dinaiki air.

‘Dua kali rumah dinaiki air’

Sungai Petani: “Minggu ini saja, dua kali rumah dinaiki air walaupun hujan lebat hanya melanda beberapa jam. Kami berserah kepada Allah kerana air naik separas dada sekelip mata menyebabkan semua barangan elektrik dan makanan rosak,” kata Md Yusof Hashim, 58, mangsa banjir kilat di Lorong Tiong, di sini.

Menurut Md Yusof, setiap kali banjir melanda, dia dan isteri, Faezah Busri, 41, berhempas pulas membersihkan lumpur selain pernah kematian haiwan peliharaan serta binatang ternakan.

Katanya, peningkatan air secara mendadak yang kurang daripada sejam menyebabkannya tidak mampu menyelamatkan barangan elektrik serta perkakas rumah lain.

“Kami tidak tahu apa lagi yang perlu dilakukan. Setiap kali hujan lebat, rumah pasti dimasuki air dan kali ini, ia paling teruk kerana air memasuki rumah hingga separas dada kurang setengah jam selepas hujan lebat, jam 2 petang semalam (kelmarin).”

“Keadaan saya yang kurang sihat, selain tangan isteri yang belum pulih akibat terseliuh

menyukarkan kami membersihkan rumah selain mengemas barangan penting lain dengan cepat,” katanya.

Md Yusof berharap pihak berkaitan dapat mengatasi masalah terbabit.

Katanya, penduduk di situ tertekan kerana banjir kilat melanda antara lima hingga enam kali dalam sebulan sejak lebih setahun lalu.

“Kami tidak pasti apa puncanya, namun banjir ini dipercayai akibat limpahan air dari longkang di kawasan landasan kereta api terletak tidak jauh dari sini,” katanya.